

Murid SK Pekan Satu Bersarapan Pagi Bersama Bank Simpanan Nasional



Labuan, 2 Januari– Majlis penyerahan sarapan pagi percuma kepada 100 orang murid yang datang antara jam 6.30 – 6.50 pagi telah diadakan di pintu masuk sekolah. Sarapan percuma tersebut merupakan sumbangan dari Bank Simpanan Nasional (BSN).

Objektif utama program adalah untuk memangkin semangat murid-murid datang awal pada hari pertama persekolahan.

Majlis penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Guru Besar SK Pekan Satu Puan Anita Shyamini A/P S. Azman. Turut hadir memeriahkan majlis ini ialah PK Pentadbiran SKPS Puan Zailiana Binti Zainol, PK Hem SKPS Puan Normah Binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmat bin Amat, PK PPKI SKPS Encik Mohd Faisal bin Haji Moin, AJK Biro Kewangan Pibg Encik Yassin bin Tawih, AJK PIBG SKPS Encik Zulkiflie Maiden berserta 6 orang guru.



Puan Hj Jamayah Binti Mohid (dua kiri) menyampaikan sarapan pagi sumbangan BSN sambil diperhatikan oleh ibu bapa serta murid-murid yang lain.

Dalam ucapannya, Puan Anita melahirkan jutaan terima kasih kepada pihak BSN kerana memilih SKPS sebagai destinasi program ini.

“Murid-murid yang bertuah menerima sumbangan sarapan ini akan lebih bermotivasi untuk datang awal ke sekolah dan kehadiran mereka juga dapat meningkatkan lagi semangat warga sekolah untuk terus berbakti dalam memastikan kemenjadian murid” Puan Anita.

Pengarah Negeri BSN Sabah Encik Laudin bin Haji Sundang berkata sumbangan sarapan pagi ini adalah salah satu usaha bantu yang dilaksanakan oleh pihak BSN agar murid-murid yang bertuah merasa dihargai apabila datang ke sekolah dengan lebih awal.

“Saya berharap agar kolaborasi ini dapat meningkatkan lagi kekuatan silaturahim antara pihak BSN dengan pihak SKPS dan semoga kerjasama seumpama ini dapat

diteruskan pada masa hadapan kelak” tambah beliau lagi.

Akhir sekali, Puan Normah Binti Rahimi selaku penyelar program melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semua yang terlibat kerana majlis ini dapat dilangsungkan dengan jayanya.

Beliau juga berterima kasih kepada pihak BSN kerana sudi memberi satu set sarapan kepada 100 orang murid yang datang awal ke sekolah.



Dari kiri Cik Noor Anirah Awang Anak, Encik Esmi bin Amat, Puan Hjh Jamayah Binti Mohid, Puan Anita Shyamini A/P S. Azman, Encik Encik Faisal bin Haji Moin, Puan Normah Binti Rahimi dan Cik Aqilah Binti Mohd Hatta.